

TERIMA RASUAH TAUKE RESTORAN

Ketua Balai Polis Tengkera kena denda RM6,500

Melaka: Ketua Balai Polis Tengkera didenda RM6,500 oleh Mahkamah Khas Rasuah Ayer Keroh di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM6,000 daripada pemilik restoran dua tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Hakim Elesabet Paya Wan selepas menerima pengakuan bersalah tertuduh, Abdul Halim Alias, 59.

Dalam penghakimannya, beliau menimbangkan rakyat tertuduh, fakta kes dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Haresh Prakash Somicah.

Beliau turut memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan jika engkar membayar denda itu. Tertuduh membayar denda berkenaan.

Tertuduh yang bertugas di



ABDUL Halim (tengah) didenda RM6,500 atas kesalahan menerima suapan daripada pemilik restoran dua tahun lalu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Balai Polis Tengkera didakwa menerima wang RM6,000 daripada pemilik restoran di pejabatnya an-

tara jam 5 petang hingga 6.15 petang 11 Ogos 2020 antara jam 5 petang hingga 6.15 petang.

Tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara

maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika disabitkan.

Pada awalnya tertuduh didakwa atas lima pertuduhan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, kerana menerima suapan berjumlah RM21,800 daripada pemilik restoran terbabit sebagai dorongan tidak mengambil tindakan kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM6,500 atau lima bulan penjara jika gagal bayar selain membenarkan baki empat pertuduhan lain digugurkan atau 'Take Into Consideration' (TIC) selepas dipohon pendakwaan berdasarkan Seksyen 171 Kanun Prosedur Jenayah.

Ketika mitigasi, peguam Azrul Zulkifli Stork memohon hukuman denda ringan atas alasan tertuduh sudah insaf dan bertekad tidak me-

ngulangi kesalahan yang di-dakwa pertama kali dilakukan sepanjang 41 tahun berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pendakwaan bagaimanapun memohon hukuman berat dikenakan terhadap tertuduh atas kepentingan awam dan bagi mencerminkan kesalahan rasuah adalah serius dan tidak akan dikompromikan.

Katanya, tertuduh sebagai ketua balai seharusnya menunjukkan teladan murni kepada anggotanya dan masyarakat namun tidak menunaikan amanah diberikan kepadanya untuk menjaga keselamatan.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM6,500 atau lima bulan penjara jika gagal bayar selain membenarkan baki pertuduhan lain digugurkan selepas dipohon pendakwaan susulan pengakuan tertuduh.